

15 AUG 2003

Mahathir-Melayu

MELAYU TAK BOLEH SELAMANYA BERGANTUNG KEPADA "TONGKAT", KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Orang Melayu tidak boleh selama-lamanya bergantung kepada orang lain atau terus "bertongkat" untuk berjaya di negara sendiri, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri mahu Yayasan Kajian dan Strategi Melayu (YKSM), yang penubuhannya akan dilancarkan esok, mencari jalan bagi menjana anjakan yang besar supaya orang Melayu tidak terus ketinggalan dalam arus perdana kemajuan sosio-ekonomi dan politik negara.

"Tanpa strategi dan pendekatan yang berkesan dan bijak, orang Melayu tidak akan mampu melangkah ke hadapan," katanya dalam perutusan beliau sempena penubuhan YKSM.

YKSM yang penubuhannya akan dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, adalah sebuah kumpulan penggerak dan khidmat strategik yang menganalisis, memikirkan dan mempromosi strategi dan tindakan untuk membangun masyarakat Melayu supaya berdaya saing serta dihormati.

Dr Mahathir berkata YKSM hendaklah menggembeng sokongan kepakaran sedia ada di kalangan masyarakat Melayu untuk menghalusi kelemahan dan kekuatan orang Melayu bagi tujuan membina masyarakat yang maju dan cemerlang.

Beliau memuji YKSM kerana tampil menyahut seruan pemimpin dan masyarakat Melayu untuk mengkaji isu-isu orang Melayu dan memikirkan cadangan strategik untuk memastikan kelangsungan dan daya saing yang tinggi untuk masyarakat Melayu.

Abdullah dalam perutusannya pula berkata bangsa Melayu yang kini masih terus diberi kepercayaan untuk menerajui kepimpinan Malaysia yang demokratik perlu muncul dan kekal sebagai bangsa yang berdaya saing, bertamadun tinggi dan dihormati.

Ini perlu supaya bangsa Melayu terus diiktiraf sebagai penggerak utama kepada kelahiran dan pengekalan sebuah negara Malaysia yang maju, aman, makmur dan bersatu padu, katanya.

Beliau berkata dalam menampilkan hasil-hasil kajian dan strateginya, YKSM perlu mengambil kira keperluan untuk berlaku adil, perkongsian peluang ekonomi dan peluang pendidikan dengan rakyat berbilang kaum di Malaysia berlandaskan prinsip meritokrasi.

Abdullah juga mahu semua lapisan rakyat sama ada golongan pemimpin, pegawai kerajaan, ahli korporat atau pendidik menyokong sepenuhnya usaha YKSM ke arah membangunkan bangsa Melayu.

Dalam perutusannya, Dr Denison Jayasooria, Pengarah Eksekutif, Yayasan Strategik Sosial, sebuah badan pemikir anjuran MIC, berkata kaum Melayu selaku masyarakat majoriti di negara ini, harus memiliki kekuatan politik dan ekonomi yang amat luas.

"Malah era globalisasi yang sedang kita hadapi sekarang memerlukan kualiti kepimpinan yang tinggi dan penguasaan ekonomi yang meluas supaya cabaran yang bakal kita hadapi, dapat kita tempuhi dengan penuh keyakinan dan kewibawaan," katanya.

Dr Jayasooria berkata program "pembinaan kapasiti" adalah penting kerana ia akan mempunyai kesan mendalam yang berpanjangan berbanding dengan bantuan fizikal yang diberikan.

Katanya, Yayasan Strategik Sosial, telahpun memulakan program pembinaan kapasiti di kalangan penduduk berpendapatan rendah dan bersedia untuk membentuk kerjasama bestari dengan YKSM bagi melaksanakan program

berkonsepkan pembinaan kapasiti di kalangan masyarakat Malaysia.

-- BERNAMA

AU MAI